

TARIKH: 5/9/23.
SURAT KHABAR: KASMO
MUKA SURAT: 4.

PM beri syarat belia tempatan diberi latihan isi tenaga kerja

Tiga sektor dilulus guna pekerja asing

Oleh NUR HUDA MUSA

KUALA LUMPUR – Kerajaan meluluskan sebahagian permohonan pengambilan pekerja asing bagi tiga sektor melibatkan kedai gunting rambut, tekstil dan kedai emas yang sebelum ini dibekukan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bagaimanapun meletakkan syarat agar golongan belia tempatan diberikan latihan bagi mengisi keperluan tenaga kerja melibatkan tiga sektor itu.

“Memandangkan terdapat keperluan mendesak pekerja dalam subsektor ini, kita akan meluluskan (pengambilan), tetapi tidak secara keseluruhannya.

“Saya tidak mahu bagi penuh kerana saya rasa perlu cari jalan melalui Program Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), modal Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (Tekun Nasional) dan beri latihan kepada anak-anak muda,” katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada Program Lestari Niaga @Medan Selera Madani di Kompleks Tun Sambanthan, di sini semalam.

Turut hadir Menteri Sumber Manusia, V. Sivakumar dan Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Saraswathy Kandasami.

Anwar berkata, perkara tersebut akan dibawa ke mesyuarat Jemaah Menteri Jumaat ini kerana ia melibatkan keperluan



ANWAR berucap merasmikan Program Lestari Niaga @ Medan Selera Madani di Kompleks Tun Sambanthan, Kuala Lumpur semalam.



Memandangkan terdapat keperluan mendesak pekerja dalam subsektor ini, kami akan meluluskan (pengambilan), tetapi tidak secara keseluruhannya.”

segera.

Selain itu, Anwar turut mengumumkan peruntukan tambahan RM10 juta bagi menaik taraf gerai dan warung di seluruh Kuala Lumpur.

Sementara itu, Sivakumar ketika ditemui berkata, jumlah

tenaga kerja asing yang diperlukan untuk sektor melibatkan kedai gunting, tekstil dan kedai emas adalah kira-kira 15,000 orang.

Ujarnya, susulan pengumuman itu, pihaknya akan melihat kaedah terbaik untuk memastikan peniaga tempatan tidak teraniaya daripada kemasukan pekerja asing.

“Setelah berbincang dengan pemain taruh daripada tiga sektor ini, saya melihat permintaan mereka tidak banyak. Sektor tekstil, permintaan yang kita kira lebih kurang 6,000 orang, tukang emas 3,000 dan kedai gunting rambut dalam lingkungan 6,000,” katanya.

KASMO
5/9/23
msx.